

31 MAY 2002

Mahathir-Belanjawan

KERAJAAN BANTU KURANGKAN KOS KENDALIAN PERNIAGAAN, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 31 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan membantu mengurangkan kos kendalian perniagaan dan meningkatkan kecekapan sektor swasta.

Ini akan dilakukan dengan memperkemaskan lagi jentera kerajaan agar lebih lancar dan berkesan supaya ia mempunyai sistem penghantaran yang lebih cekap, kata beliau ketika berucap pada Majlis Dialog Belanjawan 2003 di sini.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan terus memberi sokongan serta menyediakan persekitaran perniagaan dan pelaburan yang kondusif untuk menggalakkan aktiviti sektor swasta.

Bagaimanapun katanya sektor swasta sebaliknya perlu membuat perubahan dengan pantas supaya menjadi lebih dinamik dan berdaya tahan.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata selain daripada memberi kerjasama dan sokongan kepada sektor swasta atas semangat pensyarikatan Malaysia, kerajaan akan terus mengamalkan pengurusan ekonomi yang pragmatik serta memberi perkhidmatan dan kemudahan yang sesuai.

Beliau berkata kerajaan juga akan meneruskan usaha menyusun semula sektor korporat dan kewangan untuk memperkukuhkan lagi industri perbankan dan kewangan.

Langkah untuk memantapkan lagi tadbir urus korporat akan diteruskan bagi meningkatkan keyakinan pelabur, katanya.

Belanjawan 2003 akan dibentangkan pada 20 Sept

Dr Mahathir juga berkata negara perlu meneroka pasaran baru yang mempunyai potensi besar dengan menembusi pasaran negara seperti China, Asia Barat dan Afrika dan tidak hanya menumpu kepada pasaran tradisional seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah.

Beliau turut menegaskan bahawa negara perlu meningkatkan kecekapan dan produktiviti dengan menggalakkan kebolehan kreativiti dan inovasi yang berterusan supaya dapat bersaing di peringkat antarabangsa, lebih-lebih lagi dengan kemasukan China dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Produk negara mestilah berkualiti tinggi dan pada harga yang kompetitif serta dapat memenuhi citarasa pengguna yang semakin canggih, katanya.

Menurut Dr Mahathir, aktiviti perdagangan dan pergerakan modal antarabangsa semakin cergas sementara keyakinan pelabur asing terhadap negara telah meningkat dan imej negara kini semakin berada di tahap yang tinggi.

Dengan persekitaran luar yang semakin baik, inilah masanya sektor swasta perlu merebut peluang perdagangan dan pelaburan serta menjalin perkongsian bijak dengan rakan strategik untuk meningkatkan pasaran negara, katanya.

-- BERNAMA

MAS AA SHY RON